

# APO-METOPROLOL TABLET

Metoprolol Tartrate (100mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Apo-Metoprolol
2. Bagaimana Apo-Metoprolol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Apo-Metoprolol
4. Cara menggunakan Apo-Metoprolol
5. Semasa menggunakan Apo-Metoprolol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Metoprolol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apa kegunaan Apo-Metoprolol

Apo-Metoprolol digunakan untuk merawat penyakit hipertensi (tekanan darah tinggi) yang ringan atau sederhana dan untuk mencegah angina pektoris (kesakitan dada) disebabkan oleh penghalangan peredaran darah ke jantung.

Doktor anda mungkin memperskripsi ubat ini atas sebab yang berlainan.

Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai sebab Apo-Metoprolol diperskripsi kepada anda.

## Bagaimana Apo-Metoprolol berfungsi

Apo-Metoprolol tergolong dalam kelas ubat yang dipanggil “*beta-blockers*”. Metoprolol berfungsi dengan menyekat aktiviti sesetengah bahan kimia (hormon) pada bahagian jantung dan saluran darah dan mempengaruhi kadar degupan jantung dan kadar kerja jantung.

## Sebelum menggunakan Apo-Metoprolol

### - Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Apo-Metoprolol jika anda ada sebarang:

- alah kepada metoprolol tartrate dan/atau mana-mana derivatifnya, atau kepada sebarang bahan bukan ubat yang terkandung di dalam Apo-Metoprolol
- alergi kepada *beta-blockers*
- degupan jantung yang tidak tetap
- kondisi jantung yang pelbagai (sila rujuk kepada doktor anda untuk mengetahui kondisi jantung anda dengan lebih tepat)

### - Sebelum mula mengambil

Sebelum menggunakan Apo-Metoprolol, sila beritahu doktor anda jika anda:

- sedang hamil atau menyusu anak
- mempunyai sebarang masalah kesihatan lain, terutamanya masalah jantung
- menghidapi penyakit asma
- mempunyai atau pernah mempunyai masalah jantung seperti tekanan darah yang rendah, kadar jantung yang perlahan, blok jantung dan masalah jantung yang lain.
- menghidapi penyakit kencing manis dan hipoglisemia
- menghidapi penyakit tiroid
- menghidapi penyakit hati
- menghidapi apa-apa jenis penyakit peredaran darah
- menghidapi penyakit *bronchospastic*
- merancang untuk menjalani apa-apa jenis pembedahan

Penggunaan ubat ini oleh pesakit golongan warga tua perlu diawasi.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sesetengah ubat-ubatan boleh menyebabkan komplikasi apabila diambil dengan Apo-Metoprolol. Ubat-ubatan ini termasuk *digitalis* (konduksi AV jantung menurun), ubat anti-diabetes (pelitupan simptom hiperglisemia / tahap glukosa yang tinggi di dalam badan), ubat anti-hipertensi (penurunan tekanan darah), epinephrine, or cimetidine.

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Apo-Metoprolol

### - Berapa banyak harus digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos yang disyorkan untuk tekanan darah tinggi:

Dos permulaan: 50mg dua kali sehari.

Dos pengekalan: 150mg hingga 300mg setiap hari.

Dos akan diselenggarakan mengikut keperluan individu.

Dos yang disyorkan untuk angina pektoris:

Dos permulaan: 50mg dua kali sehari.

Dos pengekalan: 200mg setiap hari.

Dos akan diselenggarakan mengikut keperluan individu, tidak melebihi 400 mg / hari.

- Bila perlu digunakan

Metoprolol patut diberikan sebagai 2 dos yang sama setiap hari, pada waktu pagi dan petang. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jangan berhenti mengambil Apo-Metoprolol tanpa terlebih dahulu berbincang dengan doktor anda. Menghentikan Apo-Metoprolol tiba-tiba boleh menyebabkan keadaan anda menjadi lebih teruk.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat kembali.

Jika sudah hampir masa untuk dos yang seterusnya, anda tidak perlu lagi ambil dos yang sudah terlepas. Hanya ambil dos yang berikutnya. Jangan mengandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, dalam semua jenis kes, terapi penggunaan metoprolol perlu dihentikan dan anda harus menghubungi doktor anda atau pergi ke bahagian kecemasan pada hospital yang berdekatan dengan segera.

**Semasa menggunakan Apo-Metoprolol**

- Perkara yang perlu dilakukan  
Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Apo-Metoprolol

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Apo-Metoprolol dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

*Memandu dan menggunakan jentera*

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

**Kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, APO-METOPROLOL boleh memberi beberapa kesan sampingan. Kesan-kesan sampingan ini selalunya bersifat minor dan sementara. Bagaimanapun, sesetengah daripadanya mungkin lebih serius dan memerlukan rawatan segera.

Kesan-kesan sampingan yang paling biasa dilaporkan adalah keletihan, gangguan gastrousus (cirit-birit, sembelit, loya dan muntah-muntah). Reaksi buruk paling teruk dilaporkan adalah kegagalan jantung kongestif dan bronkospasme (pengecutan otot dinding dalam salur pernafasan).

Senarai kesan sampingan di atas adalah tidak lengkap.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Metoprolol**

- Penyimpanan

Anda diingatkan supaya menyimpan Apo-Metoprolol dan semua ubat-ubat lain jauh daripada kanak-kanak.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada bekas ini.

Simpan Apo-Metoprolol pada suhu antara 15-30°C.

- Pelupusan

Sekiranya anda masih mempunyai lebihan ubat ini selepas anda hentikan pengambilannya atas arahan doktor atau kerana anda dapatti ubat ini telah melepassi tarikh luputnya, sila rujuk kepada ahli farmasi anda tentang langkah yang perlu diambil.

**Maklumat Lanjut**

- Rupa dan Warna Produk

APO-METOPROLOL 100mg tablets ialah tablet yang berbentuk bulat dan dwicembung, berwarna putih, diukir dengan perkataan "APO" di atas 'M100' pada satu permukaan dan kosong pada permukaan sebaliknya.

- Bahan Kandungan

- Bahan Aktif: *Metoprolol tartrate*  
- Bahan Tidak aktif: *Lactose monohydrate, microcrystalline cellulose, magnesium stearate, croscarmellose sodium dan colloidal silicon dioxide*.

- Nombor MAL:

MAL 19984740AR

**Pengilang**

Apotex Inc.  
150 Signet Drive  
Weston Toronto Ontario  
M9L 1T9 Canada

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Pharmaforte (M) Sdn Bhd  
2, Jalan PJU 3/49  
Sunway Damansara  
47810 Petaling Jaya

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

26/1/2015

**Nombor Siri**

BPK(R4/1)130115/00012